

30/09/2002

Persengketaan rugikan masa depan sukan negara

Raja Ahmad Zainuddin

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pembentangan Bajet 2003 di Dewan Rakyat baru-baru ini bertanya apa telah terjadi kepada pemain bola sepak kita? Malaysia, menurutnya, satu ketika cukup terkenal di rantau Asia, malah pernah mengalahkan Jepun dan Korea Selatan yang kini dianggap gergasi bola sepak dunia.

Amat benar sekali kenyataan beliau itu dan saya sendiri amat terharu di atas keprihatinan Perdana Menteri sambil menggesa semua pihak, terutama persatuan-persatuan sukan supaya mengenal pasti dan mengambil langkah segera bagi mengatasi kelemahan disebabkan bersengketa sesama sendiri.

Majlis Sukan Negara (MSN) kenalah melihat perkara ini dalam erti kata yang sebenar dan tidak mencari salah serta mendedahkan mana-mana kelemahan sesebuah badan sukan itu kepada umum sebagai jalan keluar.

Kenapa membiarkan persatuan hoki bertindak bersendirian dalam menangani kemelut mereka setelah mendapat teguran MSN? Perbuatan ini samalah ibarat melontar batu sembunyi tangan. Amat sayang sekali tokoh seperti Sultan Azlan Shah yang begitu dikenali di serata dunia dalam arena hoki terpaksa mengundurkan diri gara-gara perbuatan mereka yang tidak bertanggungjawab yang lebih berkepentingan kedudukan dan diri sendiri.

Saya percaya seandainya Pesuruhjaya Sukan bertindak bijak selaku penasihat, awal-awal lagi pengurusan persatuan hoki tidaklah berada dalam suasana keaiban. Lebih mendukacitakan soal pemilihan pucuk pimpinan persatuan itu kini bertukar menjadi seperti bahan lelongan yang menyaksikan pegawai berebut-rebut menamakan calon walhal empunya diri yang sepatutnya berbuat demikian.

Pada waktu yang sama MSN seolah-olah lebih cenderung bertindak selaku pendakwa daripada menggalas tanggungjawab secara bersama. Kotorkah tangan jika mereka turun ke padang dan melihat lebih dekat punca sebenar, daripada membiarkan persatuan bersendirian berdepan masalah.

Walaupun nama Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah disebut sebagai calon utama untuk menerajui persatuan hoki kebangsaan, tetapi kami dalam Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) sudah tentu tidak mahu kehilangan baginda lagi. Kita sudah tentu tidak mahu menanggung rugi kali kedua selepas pengunduran baginda selaku Presiden Persekutuan Bola Sepak Asia (AFC) yang menyebabkan kita kehilangan seorang tokoh tempatan dalam badan terbesar itu.

Saya percaya Perdana Menteri tidak berniat untuk mengaibkan mana-mana badan sukan, tetapi memberi nasihat agar kita melihat lebih jauh ke hadapan. Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga pernah meminta agar kita meniru gaya dan sikap Korea Selatan yang muncul sebagai gergasi baru bola sepak dunia. Keprihatinan beliau tidak setakat itu, tetapi turut menyebut beberapa nama legenda bola sepak tanah air seperti Ghani Mihat, Soh Chin Aun, Mokhtar Dahari dan M Chandaran dalam satu ucapan perasmian pertandingan bola sepak di Taiping sedikit masa lalu.

Cuma pada ketika ini yang perlu kita fikirkan ialah bilakah pasukan kebangsaan akan kembali pada zaman kegemilangannya dan mampu berdiri sama tinggi dengan pasukan bola sepak Korea Selatan dan Jepun yang pernah suatu ketika dulu kita kalahkan? Seperti kata Perdana Menteri, apa sudah terjadi kepada pemain kita?

Saya sempat bertanyakan kepada bekas bintang bola sepak tanah air, Soh Chin Aun. Katanya, FAM tidak boleh dipersalahkan. FAM samalah seperti Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (Fifa) selaku badan penganjur. Liga

profesional kita antara yang terbaik di rantau ini. Pada zaman beliau cuma ada pertandingan Piala Malaysia dan Piala FAM. Mereka bekerja sambil bermain berbanding sekarang, pemain hidup mewah dan hanya bermain bola dan mengecapi bonus lumayan daripada pasukan masing-masing.

Begitupun, beliau masih mempertahankan kelebihan pemain dulu yang walaupun serba kekurangan, tetapi berdisiplin tinggi. Mereka berlatih sendiri. Chin Aun memulakan latihannya seawal 5 pagi berbanding pemain sekarang yang hanya mengharapkan latihan yang dikendalikan jurulatih. Bahkan tidak keterlaluan dikatakan, jika jurulatih memberi cuti, pemain sekarang akan menyambutnya bagaikan cuti perayaan.

Rata-rata pemain sekarang tidak memiliki kecergasan yang cukup untuk bermain lebih lasak, kemahiran kental, pantas dan bersikap melawan seperti pemain Korea dan Jepun.

Menurut Chin Aun, pada zamannya mereka akan berasa malu untuk keluar menemui orang ramai dan penyokong, jika mereka kalah dalam sesuatu pertandingan. Ini mendorong untuk menguatkan lagi keazaman mereka untuk bermain dengan baik, tetapi sekarang pemain tidak berfikiran sedemikian. Mereka tidak ambil kisah asalkan tetap dapat gaji bulanan.

Menang kalah soal kedua. Motivasi mereka agak rendah dan ini juga mendorong pemain sekarang kurang bersemangat untuk bermain dengan pasukan kebangsaan kerana merasakan tidak ada apa lagi yang mahu dikejarkan, malah bimbang dengan kecederaan dan terlepas bonus apabila tidak boleh bermain dalam liga tempatan.

Pemain sekarang bebas buat apa saja kerana mereka tahu kita kekurangan pemain yang berkaliiber. Sebab itulah mereka boleh meletakkan harga dan tawar menawar dan jika pengurusan pula lemah, mereka akan terperangkap dengan tipu muslihat pemain berkenaan yang dibayar gaji mahal, tetapi tidak memberi pulangan seperti dijanjikan.

Jika ada pemain yang diketepikan, ada pula pasukan lain yang akan mengambilnya tanpa kaji selidik terlebih dulu latar belakang pemain itu yang akhirnya pasukan itu berhadapan masalah.

Tidak dinafikan tempoh masa pemain kebangsaan juga terhad, kerana liga yang berlangsung. Persatuan negeri tidak boleh dipersalahkan kerana mereka bertanggungjawab membayar gaji pemain. Jika lewat dibayar, pemain tidak akan bersemangat. Tidak setakat itu, kelewatan membayar caruman KWSP pemain juga boleh mengheret persatuan bola sepak negeri ke mahkamah. Sebab itulah walaupun, kita sekarang berada dalam era pro, tetapi tidak dapat dielakkan jika masih ada persatuan bola sepak negeri yang menghadapi masalah kewangan. Saya amat simpati dengan Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu (PBSNT).

Dalam hubungan ini, kita harap Kerajaan Negeri Terengganu, tidak melihat masalah PBSNT sebagai masalah kecil dan membiarkan presidennya, Datuk Che Mat Jusoh yang telah berjasa, keseorangan dan terkapai-kapai. Tergamakkah Kerajaan Negeri Terengganu tidak menghulurkan tangan membantu menyelesaikan kemelut yang melanda pemain Terengganu yang mengharumkan nama negeri itu ketika menjulang Piala Malaysia tahun lalu?

Janganlah ibarat pepatah setelah madu habis, sepah dibuang. Kita juga tidak tergamak melihat tanah yang dianugerahkan kepada pemain akan bertukar menjadi bahan lelongan jika keadaan mendesak.

Jikapun kita ingin berundur setapak ke belakang, apakah sumbangan bola sepak kita akan berubah. Maknanya jika era pro kembali kepada zaman amatir bagi membolehkan pemain kita menumpukan masa yang lebih kepada pasukan kebangsaan? Sudah tentu jawapannya tidak. Tetapi kita percaya masa depan bola sepak kita masih cerah.

Chin Aun sendiri mengakui betapa pertandingan yang kini ditambah kepada Piala FA, Liga Perdana Satu dan Dua, Piala Presiden di samping Piala Sumbangsih dan peringkat bawah umur, tetapi persatuan-persatuan negeri

juga diminta lebih akur dengan pengorbanan kepada pasukan negara yang perlu dilihat sebagai satu lagi sumbangan lebih murni.

Kita tidak menafikan setiap pasukan yang berentap sudah tentu inginkan kemenangan, tetapi pada waktu yang sama kita juga perlu memikirkan kerjasama melahirkan lebih ramai pemain berkualiti dengan dagu mendongak tinggi seperti pemain Korea dan Jepun.

FAM sendiri dalam jangka 15 tahun yang akan datang juga tidak berdiam diri dalam program pembangunan belia yang diketuai Tengku Mahkota Pahang bersama MSN dan majlis sukan sekolah ke arah melahirkan pemain berkualiti, selain menggandakan lagi usaha sekolah akademi di setiap negeri.

Diharapkan lebih banyak kerjasama setiap negeri dalam mempertingkatkan lagi format pertandingan liga musim akan datang, termasuk jika diwajibkan pemain remaja disenaraikan dalam kesebelasan utama setiap pasukan sebagai langkah pendedahan dan memberi pengalaman kepada mereka.

Setakat memiliki pemain seperti Khalid Jamlus yang hampir mencatat sejarah dengan bayaran gaji sekitar RM20,000 sebulan di Jerman masih dikira tidak mencukupi untuk menyinar kekuatan pasukan kebangsaan. Kita harap selepas ini negeri-negeri akan melahirkan lebih ramai pemain muda yang berhemah dengan semangat juang tinggi kerana di tangan merekalah bakat-bakat terpendam boleh diketengahkan, tidak kira dari daerah, mukim ataupun ladang seperti sebelum era pro dulu.

Seperti kata Perdana Menteri, kita mesti tingkatkan keyakinan dan semangat bagi mengembalikan semula kegemilangan sukan negara. Kerajaan, kata Dr Mahathir akan terus memperluaskan program serta menggalakkan aktiviti sukan bukan saja sebagai usaha menerapkan budaya gaya hidup sihat tetapi juga menarik lebih ramai peminat sukan antarabangsa untuk menyertai aktiviti sukan negara.

Antara aktiviti baru ialah mempromosikan sukan lasak dan bermotor, bot laju serta perahu layar. Bagi menjayakan program ini RM227.5 juta diperuntukkan kepada Kementerian Belia dan Sukan. Dalam hubungan ini, saya ingin bertanya tentang ura-ura membawa kelab-kelab ternama bertaraf dunia ke Malaysia sebagaimana yang pernah dinyatakan oleh timbalan menteri belia dan sukan di Parlimen bagi menjana industri sukan pelancongan di negara ini?

Sambil berbangga dengan kejayaan yang dicapai kontinjen negara di Sukan Komanwel Manchester yang membawa pulang tujuh pingat emas, ternyata kita mampu mengekalkan prestasi baik dalam beberapa bidang sukan, namun kita masih jauh tercicir dalam beberapa bidang lain. justeru itu, kita amat mengalu-alukan nasihat Perdana Menteri. Kita hendaklah menerimanya dengan hati terbuka, telus dan melihat ke depan.